

# PENYATA KEWANGAN 2009

165	Laporan Pengarah
169	Kunci Kira-Kira
170	Penyata Pendapatan
171	Penyata Perubahan Ekuiti
172	Penyata Aliran Tunai
174	Nota bagi Penyata Kewangan
214	Penyata oleh Para Pengarah
214	Akuan Berkanun
215	Laporan Juruaudit Bebas kepada Ahli-ahli Tien Wah Press Holdings Berhad



# Laporan Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

Para Pengarah dengan sukacitanya mengemukakan laporan mereka kepada ahli berserta penyata kewangan beraudit Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Disember 2009.

## Kegiatan Utama

Kegiatan utama Syarikat ialah pemegang pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat dibentangkan dalam Nota 6 penyata kewangan. Tiada perubahan besar pada jenis kegiatan ini pada tahun kewangan ini selain pengambilalihan sebuah anak syarikat baru dengan operasi di Vietnam.

## Keputusan

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan/(kerugian) diagihkan kepada:		
Pemegang saham Syarikat	15,450	(148)
Kepentingan minoriti	5,806	-
	<u>21,256</u>	<u>(148)</u>

## Rizab dan Peruntukan

Tiada pemindahan ketara kepada atau daripada rizab dan peruntukan pada sepanjang tahun kewangan selain daripada yang dikemukakan dalam penyata kewangan.

## Dividen

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, Syarikat telah membayar:

- i) dividen akhir 9.4% ditolak cukai sebanyak 25% bagi setiap saham biasa berjumlah RM4,859,212 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008 pada 25 Jun 2009 (7.1 sen bersih sesaham); dan
- ii) dividen interim 8% ditolak cukai sebanyak 25% bagi setiap saham biasa berjumlah RM4,135,500 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 pada 8 Oktober 2009 (6 sen bersih sesaham).

Para Pengarah mengesyorkan pembayaran dividen akhir 12.05% ditolak cukai sebanyak 25% bagi setiap saham biasa berjumlah RM6,229,097 (9.04 sen bersih sesaham) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009.

## Para Pengarah Syarikat

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lalu ialah:

Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff  
 Yen Gary  
 Lt Jen (B) Datuk Hj. Abdul Aziz bin Hasan  
 Mej Jen (B) Dato' Mohamed Dahalan bin Sulaiman  
 Mej Jen (B) Datuk Abdul Kadir bin Nordin  
 Dato' Gan Nyap Liou @ Gan Nyap Liow  
 Tung Kum Hon  
 Goh Seng Chuan  
 Stanley Mark Mitchell (dilantik pada 15 Jun 2009)

## Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

### Kepentingan Pengarah

Kepentingan dan yang dianggap kepentingan dalam saham dan opsyen Syarikat dan perbadanan yang berkaitan dengannya (selain daripada anak syarikat milik penuh) bagi mereka yang memegang jawatan Pengarah pada hujung tahun (termasuk kepentingan suami/isteri atau anak-anak Pengarah yang bukan Pengarah Syarikat) seperti yang direkodkan dalam Daftar Pegangan Saham Pengarah adalah seperti berikut:

	Bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham			Pada 31.12.2009
	Pada 1.1.2009	Pembelian	Penjualan	
Yen Gary				
Kepentingan dalam New Toyo International Holdings Ltd	62,462	-	-	62,462
Dianggap kepentingan dalam New Toyo International Holdings Ltd				
- Sendiri	36,761,213	-	-	36,761,213
- Lain	1,137,000	-	-	1,137,000

Tiada seorang pun Pengarah yang memegang jawatan pada 31 Disember 2009 mempunyai apa-apa kepentingan dalam saham biasa dan debentur Syarikat dan perbadanan yang berkaitan dengannya pada tahun kewangan ini.

### Manfaat Pengarah

Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada seorang Pengarah Syarikat yang telah menerima atau menjadi layak untuk menerima apa-apa manfaat (selain manfaat yang terangkum dalam amaun agregat emolumen yang diterima atau yang terhutang dan boleh diterima oleh Pengarah seperti yang ditunjukkan dalam penyata kewangan atau gaji tetap pekerja sepenuh masa Syarikat atau mana-mana perbadanan yang berkaitan) disebabkan kontrak yang disediakan oleh Syarikat atau syarikat yang berkaitan dengan Pengarah atau dengan firma yang dianggotai Pengarah berkenaan, atau dengan syarikat dimana Pengarah mempunyai kepentingan kewangan besar selain kepentingan Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff dalam Toyoma Aluminium Foil Packaging Sdn. Bhd. dan kepentingan Yen Gary dalam New Toyo Pulppy (Hong Kong) Limited dan New Toyo Pulppy (Vietnam) Co., Ltd. di mana maklumat parti yang berkaitan dinyatakan di dalam Nota 29.

### Penerbitan Saham

Tiada perubahan dalam modal dibenarkan, diterbitkan dan berbayar Syarikat sepanjang tahun kewangan.

### Opsyen yang diberikan bagi saham yang belum diterbitkan

Tiada opsyen diberikan kepada sesiapa untuk membeli saham Syarikat yang belum diterbitkan pada tahun kewangan.



# Laporan Pengarah

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

## Maklumat Berkanun Yang Lain

Sebelum penyata pendapatan dan kunci kira-kira Kumpulan dan Syarikat disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dihapus kira dan peruntukan yang secukupnya bagi hutang ragu.
- ii) semua aset semasa dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dengan nilai boleh realis bersih.

Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak menyedari sebarang keadaan:

- i) yang akan menyebabkan amaun yang dihapus kira bagi hutang lapuk atau amaun peruntukan bagi hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi dengan ketara; atau
- ii) yang akan menyebabkan nilai yang diberikan kepada aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan; atau
- iii) yang berbangkit yang boleh menyebabkan kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang diamalkan pada masa ini, mengelirukan atau tidak sesuai, atau
- iv) yang tidak diberikan perhatian dalam laporan ini atau penyata kewangan, yang akan menyebabkan apa-apa amaun yang dinyatakan dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujudnya:

- i) apa-apa caj ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang berbangkit sejak akhir tahun kewangan yang ditinjau dan yang mencagarkan liabiliti pihak yang lain; atau
- ii) apa-apa liabiliti kontinjen Kumpulan atau Syarikat yang berbangkit sejak akhir tahun kewangan.

Tiada liabiliti kontinjen atau liabiliti lain mana-mana syarikat dalam Kumpulan yang kini boleh dikuatkuasakan atau besar kemungkinan boleh dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan yang, pada pendapat para Pengarah, akan atau mungkin akan menjejaskan kemampuan Kumpulan dan Syarikat untuk memenuhi obligasinya apabila sampai masanya kelak.

Pada pendapat para Pengarah, hasil operasi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 tidak dipengaruhi secara ketara oleh apa-apa perkara, urusan niaga atau peristiwa yang penting dan luar biasa, dan tiada apa-apa perkara, urusan niaga atau peristiwa seperti ini berbangkit dalam tempoh antara akhir tahun kewangan yang ditinjau dengan tarikh laporan ini.

## Peristiwa Penting

Pada 31 Julai 2009, Syarikat memperoleh keseluruhan kepentingan ekuiti dalam Toyo (Viet) Paper Product Co., Ltd. daripada New Toyo Aluminium Paper Product Co Pte Ltd, sebuah anak syarikat milik penuh New Toyo International Holdings Ltd., pemegang saham yang besar dan syarikat pemegang mutlak Syarikat, dengan kos belian secara tunai sebanyak RM12,853,475 (bersamaan dengan USD3,650,000) seperti yang dinyatakan dalam Nota 30 penyata kewangan.

## Laporan Pengarah bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

---

### Juruaudit

Juruaudit kami, Tetuan KPMG, telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima pelantikan semula.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah selaras dengan resolusi Pengarah:



.....  
**Tengku Tan Sri Dr. Mahaleel bin Tengku Ariff**



.....  
**Stanley Mark Mitchell**

Petaling Jaya, Selangor

Tarikh: 24 Mac 2010



# Kunci kira-kira pada 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>Aset</b>					
Hartanah, loji dan peralatan	3	225,032	191,767	191	273
Bayaran pajakan prabayar	4	16,895	16,944	-	-
Aset tak ketara	5	53,022	54,176	-	-
Pelaburan dalam anak syarikat	6	-	-	95,449	82,589
Pelaburan dalam syarikat sekutu	7	7,821	6,006	1,500	1,500
Cukai aset tertunda	8	3,201	2,250	-	-
Amaun belum terima, deposit dan prabayaran	9	733	194	-	-
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>306,704</b>	<b>271,337</b>	<b>97,140</b>	<b>84,362</b>
<b>Aset semasa</b>					
Amaun belum terima, deposit dan prabayaran	9	49,557	41,159	20,882	35,490
Inventori	10	57,339	58,031	-	-
Aset cukai semasa		316	878	91	313
Tunai dan setara tunai	11	31,465	13,302	53	48
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>138,677</b>	<b>113,370</b>	<b>21,026</b>	<b>35,851</b>
<b>Jumlah aset</b>		<b>445,381</b>	<b>384,707</b>	<b>118,166</b>	<b>120,213</b>
<b>Ekuiti</b>					
Modal saham	12	68,925	68,925	68,925	68,925
Rizab	13	87,028	72,245	41,737	50,880
<b>Jumlah ekuiti diagihkan kepada pemegang saham Syarikat</b>		<b>155,953</b>	<b>141,170</b>	<b>110,662</b>	<b>119,805</b>
<b>Kepentingan minoriti</b>		<b>17,999</b>	<b>3,232</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>173,952</b>	<b>144,402</b>	<b>110,662</b>	<b>119,805</b>
<b>Liabiliti</b>					
Manfaat pekerja	14	927	847	-	-
Liabiliti cukai tertunda	8	8,848	8,402	-	-
Pinjaman dan peminjaman	15	137,865	124,733	-	-
Syarikat pemegangan	17	15,416	15,520	-	-
Syarikat berkaitan	18	486	-	-	-
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>163,542</b>	<b>149,502</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
Amaun belum bayar dan terakru	16	66,746	53,695	7,504	408
Pinjaman dan peminjaman	15	37,880	34,720	-	-
Cukai Liabiliti semasa		3,261	2,388	-	-
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>107,887</b>	<b>90,803</b>	<b>7,504</b>	<b>408</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>271,429</b>	<b>240,305</b>	<b>7,504</b>	<b>408</b>
<b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>		<b>445,381</b>	<b>384,707</b>	<b>118,166</b>	<b>120,213</b>

Nota di halaman 174 hingga 213 adalah sebahagian daripada penyata kewangan

# Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>Hasil</b>					
- Penjualan barangan		328,610	186,059	-	-
- Pendapatan dividen kasar daripada anak syarikat tidak disebut harga		-	-	-	10,528
		328,610	186,059	-	10,528
Kos penjualan		(261,000)	(143,259)	-	-
<b>Keuntungan kasar</b>		67,610	42,800	-	10,528
Pendapatan lain		2,451	2,871	195	3,170
Perbelanjaan pengedaran		(10,474)	(6,416)	-	-
Perbelanjaan pentadbiran		(22,377)	(12,564)	(921)	(2,002)
Perbelanjaan lain		(3,046)	(421)	-	(44)
<b>Keputusan dari aktiviti operasi</b>		34,164	26,270	(726)	11,652
Pendapatan faedah		158	508	999	248
Kos pembiayaan		(7,768)	(2,722)	(383)	-
<b>Keuntungan/(Kerugian) operasi</b>	19	26,554	24,056	(110)	11,900
Bahagian keuntungan selepas cukai syarikat sekutu yang diiktiraf mengikut perakaunan ekuiti		1,815	1,020	-	-
<b>Keuntungan/ (Kerugian) sebelum cukai</b>		28,369	25,076	(110)	11,900
Perbelanjaan cukai	21	(7,113)	(5,524)	(38)	(377)
<b>Keuntungan/ (Kerugian) bagi tahun</b>		21,256	19,552	(148)	11,523
Diagihkan kepada:					
Pemegang saham Syarikat		15,450	18,705	(148)	11,523
Kepentingan minoriti		5,806	847	-	-
<b>Keuntungan/ (Kerugian) bagi tahun</b>		21,256	19,552	(148)	11,523
<b>Perolehan asas dan tercair sesaham biasa (sen)</b>	22	22.4	27.1		

Nota di halaman 174 hingga 213 adalah sebahagian penting daripada penyata kewangan.



# Penyata Perubahan Ekuiti

bagi tahun berakhir 31 Disember 2009

	Diagihkan kepada ekuiti Syarikat		Tidak Boleh Diagih		Boleh Diagih		Jumlah ekuiti
	Modal saham	Premium saham	Rizab modal	Rizab pertukaran	Rizab penilaian semula	Untung tertahan	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<b>Kumpulan</b>	<b>Nota</b>						<b>RM'000</b>
<b>Pada 1 Januari 2008</b>							
Keuntungan bagi tahun ini		68,807	8,848	1,000	-	4,878	126,608
Dividen kepada pemegang saham	23	-	-	-	-	-	18,705
Saham diterbitkan		118	20	-	-	-	(8,271)
Pelupusan anak syarikat		-	-	(1,000)	-	-	138
Pelupusan kepentingan minoriti		-	-	-	-	-	-
Perolehan kepentingan minoriti		-	-	-	-	-	(3,940)
Perbezaan tafsiran pertukaran mata wang asing		-	-	-	3,990	-	224
							3,264
							7,254
<b>Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009</b>							
Keuntungan bagi tahun ini		68,925	8,868	-	3,990	4,878	141,170
Dividen kepada pemegang saham	23	-	-	-	-	-	15,450
Perbezaan tafsiran pertukaran mata wang asing		-	-	-	8,328	-	(8,995)
							8,328
							17,289
<b>Pada 31 Disember 2009</b>							
		68,925	8,868	-	12,318	4,878	155,953
							17,999
							173,952
<b>Syarikat</b>							
<b>Pada 1 Januari 2008</b>							
Keuntungan bagi tahun ini		68,807	8,848	-	-	38,760	116,415
Dividen kepada pemegang saham Syarikat	23	-	-	-	-	11,523	11,523
Saham diterbitkan		118	20	-	-	(8,271)	(8,271)
							138
<b>Pada 31 Disember 2008/1 Januari 2009</b>							
Kerugian bagi tahun ini		68,925	8,868	-	-	42,012	119,805
Dividen kepada pemegang saham Syarikat	23	-	-	-	-	(148)	(148)
							(8,995)
<b>Pada 31 Disember 2009</b>							
		68,925	8,868	-	32,869	-	110,662

Nota di halaman 174 hingga 213 adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

# Penyata Aliran Tunai tahun berakhir 31 Disember 2009

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti operasi</b>					
Keuntungan/(Kerugian) sebelum cukai		28,369	25,076	(110)	11,900
Pelarasan untuk:					
Pelunasan bayaran pajakan prabayar	4	468	424	-	-
Pelunasan asset tak ketara	5	1,260	-	-	-
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	3	17,452	9,405	82	82
Pendapatan dividen		-	-	-	(10,528)
Keuntungan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		(1)	(7)	-	-
Kerugian /(Keuntungan) daripada pelupusan anak syarikat		-	421	-	(3,170)
Perbelanjaan faedah		7,768	2,722	383	-
Pendapatan faedah		(158)	(508)	(999)	(248)
Inventori yang dihapus kira		804	50	-	-
Hartanah, loji dan peralatan yang dihapus kira		72	3	-	-
Peruntukan untuk manfaat persaraan	14	3,409	144	-	-
Bahagian keuntungan syarikat sekutu		(1,815)	(1,020)	-	-
Kerugian/(Keuntungan) pertukaran asing yang belum realisasi		484	1,204	(89)	206
<hr/>					
Keuntungan/(Kerugian) operasi sebelum perubahan dalam modal kerja		58,112	37,914	(733)	(1,758)
Perubahan dalam inventori		(69)	(24,873)	-	-
Perubahan dalam amaun belum terima, deposit dan prabayaran		(2,173)	(18,782)	(2)	100
Perubahan dalam amuan belum bayar dan tarakru		8,937	22,309	(266)	(65)
<hr/>					
<b>Tunai yang diperoleh daripada/     (digunakan dalam) operasi</b>		64,807	16,568	(1,001)	(1,723)
Dividen diterima		-	-	-	9,990
Faedah diterima		158	508	999	248
Manfaat persaraan dibayar	14	(1,002)	(292)	-	-
Cukai dibayar		(5,972)	(3,101)	(12)	-
Cukai dibayar balik		-	-	196	-
<hr/>					
<b>Tunai bersih diperoleh     daripada aktiviti operasi</b>		57,991	13,683	182	8,515
<hr/>					
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan					
Pengambilalihan anak syarikat, selepas ditolak tunai	30	(12,253)	(78,220)	(12,860)	(234)
Perolehan hartanah, loji, dan peralatan	3	(22,551)	(4,280)	-	-
Hasil perolehan daripada pelupusan anak syarikat		-	2,047	-	3,680
Hasil perolehan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan		601	3,420	-	-
Pendahuluan daripada/(kepada) anak syarikat		-	-	13,391	(3,843)
<hr/>					
<b>Tunai bersih (diguna dalam)/diperoleh daripada     aktiviti pelaburan</b>		(34,203)	(77,033)	531	(397)



# Penyata Aliran Tunai

tahun berakhir 31 Disember 2009

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
<b>Aliran tunai daripada aktiviti pembiayaan</b>				
Hasil perolehan daripada pinjaman dan peminjaman	18,194	76,557	-	-
Bayaran balik liabiliti sewa beli	(178)	(3)	-	-
Dividen dibayar kepada pemegang saham Syarikat 23	(8,995)	(8,271)	(8,995)	(8,271)
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	(1,470)	-	-
Faedah dibayar	(7,768)	(2,722)	(383)	-
Hasil perolehan daripada penerbitan modal saham	-	138	-	138
Bayaran balik pinjaman dan peminjaman	(1,724)	(9,790)	-	-
Hasil perolehan daripada /(pembayaran kepada) syarikat berkaitan	6,468	(20,291)	-	-
Pendahuluan (kepada)/daripada syarikat pemegangan	(4,353)	26,368	8,670	-
<b>Tunai bersih diperolehi daripada/(diguna dalam) aktiviti pelaburan</b>	<b>1,644</b>	<b>60,516</b>	<b>(708)</b>	<b>(8,133)</b>
<b>Peningkatan/(pengurangan) bersih tunai dan setara tunai</b>				
Kesan perubahan kadar pertukaran terhadap tunai yang dipegang	25,432	(2,834)	5	(15)
	(7,269)	2,464	-	-
<b>Tunai dan setara tunai pada 1 Januari</b>	<b>13,302</b>	<b>13,672</b>	<b>48</b>	<b>63</b>
<b>Tunai dan setara tunai pada 31 Disember</b> i	<b>31,465</b>	<b>13,302</b>	<b>53</b>	<b>48</b>

## i) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai yang terangkum dalam penyata aliran tunai terdiri daripada amaun kunci kira-kira yang berikut:

Nota	Kumpulan		Syarikat	
	2009 RM'000	2008 RM'000	2009 RM'000	2008 RM'000
Deposit dengan bank berlesen	11	3,107	-	-
Baki tunai dan baki di bank	11	28,358	53	48
		31,465	53	48

## ii) Perolehan hartanah, loji dan peralatan

Pada tahun ini, Kumpulan memperoleh hartanah, loji dan peralatan dengan kos agregat RM22,551,000 (2008 - RM4,280,000) di mana sifar (2008 - RM139,000) diperoleh melalui sewa beli.

Nota di halaman 174 hingga 213 adalah sebahagian daripada penyata kewangan.

# Nota Bagi Penyata Kewangan

Tien Wah Press Holdings Berhad ialah syarikat liabiliti berhad awam, yang diperbadankan dan bermastautin di Malaysia dan tersenarai pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Alamat pejabat berdaftar dan tempat perniagaan utama Syarikat adalah seperti yang berikut:

## Pejabat berdaftar

Lot 6.05, Level 6, KPMG Tower  
8, First Avenue, Bandar Utama  
47800 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

## Tempat perniagaan utama

9 & 11, Jalan Semangat  
46200 Petaling Jaya  
Selangor Darul Ehsan

Penyata kewangan yang disatukan pada dan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 merangkumi Syarikat dan anak syarikatnya dan kepentingan Kumpulan dalam syarikat sekutu.

Kegiatan utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak syarikat dibentangkan dalam Nota 6 penyata kewangan. Tiada perubahan besar bagi jenis kegiatan tersebut pada tahun kewangan ini melainkan perolehan Toyo (Viet) Paper Product Co, Ltd., sebuah anak syarikat baru (rujuk Nota 30).

Syarikat pemegangan pada tahun kewangan ini ialah New Toyo International Holdings Ltd, sebuah syarikat yang diperbadankan di Singapura.

Penyata kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 24 Mac 2010.

## 1. Asas Penyediaan

### (a) Pernyataan kepatuhan

Penyata kewangan disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS), prinsip perakaunan yang diterima secara am dan peruntukan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia. Penyata kewangan ini juga mematuhi peruntukan pendedahan Keperluan Penyenaian Bursa Malaysia Securities Berhad yang berkenaan.

Kumpulan belum mengguna pakai piawai perakaunan, pindaan dan tafsiran yang telah diterbitkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) tetapi masih belum berkuatkuasa bagi Kumpulan:

#### **FRS, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009**

- FRS 8, Segmen Operasi

#### **FRS, Tafsiran dan pindaan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2010**

- FRS 4, Kontrak Insurans
- FRS 7, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- FRS 101, Persembahan Penyata Kewangan (revisi)
- FRS 123, Kos Peminjaman (revisi)
- FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Ukuran
- Pindaan pada FRS 1, Guna Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan
- Pindaan pada FRS 2, Pembayaran berasaskan Saham: Syarat Perletakan dan Pembatalan
- Pindaan kepada FRS 7, Instrumen Kewangan: Pendedahan
- Pindaan kepada FRS 101, Persembahan Laporan Kewangan – Instrumen Kewangan “Putable” dan Obligasi yang Berpunca daripada Pembubaran
- Pindaan kepada FRS 127, Penyata Kewangan yang Disatukan dan Berasingan: Kos Pelaburan Anak Syarikat, Entiti Kawalan Bersama atau Bersekutu
- Pindaan kepada FRS 132, Instrumen Kewangan: Persembahan
  - Instrumen Kewangan “Putable” dan Obligasi yang Berpunca daripada Pembubaran
  - Pemisahan Instrumen Bercantum
- Pindaan kepada FRS 139, Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
  - Pengelasan Semula Aset Kewangan
  - Penilaian Kolektif Keterjejasan Nilai bagi Institusi Perbankan



## 1. Asas Penyediaan (sambungan)

### (a) Pernyataan kepatuhan (sambungan)

- Pembaikan kepada FRS (2009)
- Tafsiran IC 9, Penilaian Semula Derivatif Terbenam
- Tafsiran IC 10, Pelaporan Kewangan Interim dan Keterjejasan Nilai
- Tafsiran IC 11, FRS 2 – Transaksi Saham Kumpulan dan Perbendaharaan
- Tafsiran IC 13, Program Kesetiaan Pelanggan
- Tafsiran IC 14, FRS 119, Had Manfaat Aset yang Tertakrif, Keperluan Pendanaan Minimum dan Interaksi Mereka

Selepas keakhiran tahun kewangan, iaitu pada 8 Januari 2010 dan 19 Mac 2010, MASB telah mengeluarkan FRS yang dikemaskini, Tafsiran IC dan Pindaan kepada FRS baru yang berikut:

FRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010.

- Pindaan kepada FRS 132, Instrumen Kewangan: Persembahan – Klasifikasi Terbitan Hak

FRS, Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010.

- FRS 1, Guna Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan (revisi)
- FRS 3, Kombinasi Perniagaan (revisi)
- FRS 127, Penyata Kewangan yang Disatukan dan Berasingan (revisi)
- Pindaan kepada FRS 2, Pembayaran Berasaskan Saham
- Pindaan kepada FRS 5, Aset Bukan Semasa Dipegang untuk Jualan dan Operasi yang Dihentikan
- Pindaan kepada FRS 138, Aset Tak Ketara
- Tafsiran IC 12, Perjanjian Konsesi Perkhidmatan
- Tafsiran IC 15, Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah
- Tafsiran IC 16, Perlindungan Pelaburan Bersih dalam Operasi Asing
- Tafsiran IC 17, Pendedaran Aset bukan Tunai kepada Pemilik
- Pindaan kepada Tafsiran IC 9, Penilaian Semula Derivatif Terbenam

### **FRS / Tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2011**

- Pindaan kepada FRS 1, Guna Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan
  - Pengecualian terhad daripada Perbandingan FRS 7, Pendedahan bagi Pengguna Pakai kali Pertama
- Pindaan kepada FRS 7, Instrumen Kewangan: Pendedahan – Memperbaiki Pendedahan mengenai Instrumen Kewangan

Kumpulan merancang untuk mengguna pakai piawaian, pindaan atau tafsiran yang disebutkan di atas:

- daripada tempoh tahunan bermula 1 Januari 2010 bagi piawaian, pindaan atau tafsiran yang akan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2009 atau 1 Januari 2010, kecuali FRS 4 dan Tafsiran IC 13 yang tidak berkenaan dengan Kumpulan.
- daripada tempoh tahunan bermula 1 Januari 2011 bagi piawaian, pindaan atau tafsiran yang akan berkuatkuasa bagi tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Mac 2010, 1 Julai 2010 dan 1 Januari 2011, kecuali Tafsiran IC 12 dan Tafsiran IC 15 yang tidak berkenaan dengan Kumpulan.

Pemakai gunaan piawaian, pindaan atau tafsiran, yang digunakan secara prospektif, tidak dijangka memberi kesan kewangan pada penyata kewangan semasa dan tempoh lalu apabila dipakai guna kali pertama.

Kesan dan pendedahan yang diperlukan oleh FRS 108.30(b), Dasar Perakuanan, Pertukaran dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan yang berkaitan dengan penggunaan FRS 4, FRS 7, FRS 139 dan Tafsiran IC 12 tidak dinyatakan memandangkan pengecualian yang diberikan oleh FRS masing-masing.

## 1. Asas penyediaan (sambungan)

### (b) Asas pengukuran

Penyata kewangan disediakan berasaskan kos sejarah kecuali seperti yang diterangkan dalam nota-nota dasar perakaunan yang berkenaan.

### (c) Mata wang fungsi dan pembentangan mata wang

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan mata wang fungsi Syarikat. Kesemua maklumat kewangan dibentangkan dalam RM dan dibundarkan kepada jumlah ribuan yang terdekat, melainkan dinyatakan sebaliknya.

### (d) Penggunaan anggaran dan pertimbangan

Penyediaan penyata kewangan ini memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan amaun yang dilaporkan bagi aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan andaian sandaran sentiasa dikaji semula. Semakan terhadap anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak semula dan dalam tempoh masa depan yang terkesan.

Tidak terdapat ketidaktentuan anggaran dan pertimbangan kritikal yang penting dalam penggunaan dasar perakaunan yang memberi kesan yang ketara terhadap amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain yang dinyatakan dalam nota-nota berikut:

- Nota 3 - Penilaian bangunan pegangan pajak
- Nota 4 - Penilaian tanah pegangan pajak
- Nota 5 - Penilaian aset tak ketara
- Nota 14 - Penilaian manfaat pekerja
- Nota 30 - Nilai saksama terhadap pengambilalihan anak syarikat

## 2. Dasar perakaunan penting

Dasar perakaunan yang dikemukakan di bawah telah digunakan secara konsisten pada tempoh-tempoh yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, dan telah digunakan secara konsisten oleh semua entiti Kumpulan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### (a) Asas penyatuan

#### (i) Anak syarikat

Anak syarikat adalah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, yang dikawal oleh Kumpulan. Kawalan wujud apabila Kumpulan berupaya mengguna kuasanya untuk mentadbir dasar kewangan dan pengendalian sesuatu entiti untuk mendapatkan manfaat daripada kegiatannya. Dalam penentuan kawalan, hak mengundi berpotensi yang kini boleh digunakan turut diambil kira. Anak-anak syarikat disatukan menggunakan kaedah perakaunan pembelian.

Mengikut kaedah perakaunan pembelian, penyata kewangan anak syarikat terangkum dalam penyata kewangan yang disatukan sejak tarikh kawalan tersebut bermula, sehingga tarikh kawalan tersebut tamat.

Pelaburan dalam anak syarikat dinyatakan dalam kunci kira-kira Syarikat pada kos ditolak keterjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dikelaskan sebagai depegang untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan).



### 2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (a) Asas penyatuan (sambungan)

##### (ii) Syarikat sekutu

Syarikat sekutu ialah entiti, termasuk entiti yang tidak diperbadankan, di mana Kumpulan mempunyai pengaruh besar, tetapi bukan kawalan, ke atas dasar kewangan dan pengendaliannya.

Syarikat sekutu diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah ekuiti melainkan pihak bersekutu tersebut dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk jualan). Penyata kewangan yang disatukan merangkumi bahagian pendapatan dan perbelanjaan Kumpulan bagi syarikat sekutu yang diiktiraf mengikut perakaunan ekuiti, selepas penyelarasan untuk melaraskan dasar perakaunan dengan dasar Kumpulan, sejak tarikh pengaruh besar bermula sehingga tarikh pengaruh besar tersebut tamat.

Bila bahagian kerugian Kumpulan melebihi kepentingannya dalam syarikat sekutu yang diiktiraf mengikut perakaunan ekuiti, nilai bawaan kepentingan tersebut (termasuk sebarang pelaburan jangka panjang) dikurangkan kepada sifar dan pengiktirafan kerugian seterusnya dihentikan kecuali setakat mana Kumpulan mempunyai tanggungjawab atau telah membuat bayaran bagi pihak penerima pelaburan.

Pelaburan dalam syarikat sekutu dinyatakan dalam kunci kira-kira Syarikat pada kos ditolak keterjejasan nilai, melainkan pelaburan tersebut dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan (atau termasuk dalam kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai pegangan untuk jualan).

##### (iii) Kepentingan minoriti

Kepentingan minoriti pada tarikh kunci kira-kira, iaitu bahagian daripada aset bersih (tidak termasuk muhibah) anak syarikat yang boleh dikenal pasti dan diagihkan kepada kepentingan ekuiti yang tidak dimiliki Syarikat, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui anak syarikat, dibentangkan dalam kunci kira-kira yang disatukan dan penyata perubahan ekuiti dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti kepunyaan pemegang saham ekuiti Syarikat. Kepentingan minoriti dalam keputusan kewangan Kumpulan dibentangkan dalam penyata pendapatan yang disatukan sebagai peruntukan daripada keseluruhan keuntungan atau kerugian tahun antara kepentingan minoriti dan pemegang saham ekuiti Syarikat.

Bila kerugian yang berkenaan dengan minoriti melebihi kepentingan minoriti dalam ekuiti sebuah anak syarikat, lebihannya dan apa-apa kerugian seterusnya yang berkenaan dengan minoriti, dicajkan terhadap kepentingan Kumpulan melainkan setakat mana kepentingan minoriti itu mempunyai obligasi untuk, dan berupaya membuat pelaburan tambahan untuk menampung kerugian tersebut. Jika anak syarikat yang berkenaan seterusnya melaporkan keuntungan, kepentingan Kumpulan diperuntukkan dengan semua keuntungan sedemikian sehingga bahagian kerugian minoriti tersebut yang sebelum itu ditanggung oleh Kumpulan telah dipulihkan.

##### (iv) Urus niaga yang disingkirkan berikutan penyatuan

Baki antara ahli kumpulan, dan mana-mana pendapatan dan perbelanjaan yang belum terealis yang berpunca daripada urus niaga antara ahli kumpulan, disingkirkan dalam penyediaan penyata kewangan yang disatukan.

Keuntungan yang belum terealis yang berpunca daripada urus niaga dengan penerima pelaburan yang diiktiraf mengikut perakaunan ekuiti disingkirkan terhadap pelaburan setakat kepentingan Kumpulan dalam penerima pelaburan. Kerugian belum terealis disingkirkan dengan cara yang sama seperti keuntungan belum terealis, tetapi hanya setakat tiada bukti keterjejasan nilai.

## 2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

### (b) Mata wang asing

#### (i) Urus niaga mata wang asing

Urus niaga mata wang asing telah ditukar kepada mata wang fungsi entiti Kumpulan berkenaan mengikut kadar pertukaran pada tarikh urus niaga.

Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira telah ditukar kepada mata wang fungsi mengikut kadar pertukaran wang asing pada tarikh tersebut. Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing yang diukur pada kadar saksama ditukar semula kepada mata wang fungsi mengikut kadar pertukaran wang asing pada tarikh nilai saksama tersebut ditentukan. Perbezaan pertukaran wang asing yang berpunca daripada pertukaran semula diiktiraf dalam penyata pendapatan.

#### (ii) Operasi dalam denominasi mata wang fungsi selain Ringgit Malaysia

Aset dan liabiliti operasi dalam mata wang fungsi selain RM, termasuk aset tak ketara muhibah, nilai kontrak dan pelarasan nilai saksama yang berpunca daripada perolehan, ditukar kepada RM mengikut kadar pertukaran pada tarikh kunci kira-kira, kecuali bagi pelarasan muhibah dan nilai saksama yang berpunca daripada gabungan perniagaan sebelum 1 Januari 2006 yang dilaporkan dengan mengguna kadar pertukaran pada tarikh perolehan tersebut. Jumlah kewangan dan belanja operasi asing, di tukarkan kepada RM pada kadar pertukaran pada tarikh urus niaga tersebut.

Perbezaan pertukaran wang asing diiktiraf dalam rizab pertukaran. Apabila dilupuskan, perbezaan pertukaran yang terkumpul diiktiraf dalam penyata kewangan yang disatukan sebagai sebahagian daripada laba atau kerugian penjualan

#### (iii) Pelaburan bersih dalam operasi asing

Perbezaan dalam pertukaran wang asing yang berpunca daripada item kewangan yang pada asasnya membentuk sebahagian daripada pelaburan bersih Syarikat dalam operasi asing diiktiraf di dalam penyata pendapatan. Perbezaan pertukaran sedemikian dikelaskan sebagai ekuiti dalam penyata kewangan yang disatukan. Perbezaan pertukaran tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan yang disatukan atas pelupusan pelaburan.

Kadar penutup yang digunakan dalam pertukaran aset kewangan dan liabiliti mata wang asing dan penyata kewangan operasi asing adalah seperti berikut:

• 1 USD	2009	2008
• 1 SGD	RM3.42	RM3.47
• 1000 VND	RM2.44	RM2.41
• 1 AUD	RM0.19	RM0.20
• 1 HKD	RM3.07	RM2.40
	RM0.44	RM0.45

### (c) Instrumen kewangan derivatif

Kumpulan memegang instrumen kewangan derivatif untuk melindungi dedahan risiko pertukaran mata wang asing serta kadar faedahnya.

Kontrak hadapan pertukaran mata wang asing yang digunakan diambil kira pada asas yang sama dengan aset, liabiliti dasaran, atau kedudukan bersih. Segala keuntungan atau kerugian adalah diiktiraf melalui asas yang sama seperti yang berpunca daripada aset, liabiliti, atau kedudukan bersihnya yang berkenaan.



### 2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (d) Hartanah, loji dan peralatan

##### (i) Pengiktirafan dan pengukuran

Item bagi hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos / penilaian ditolak kerugian keterjejasan nilai dan susut nilai terkumpul.

Kos termasuk perbelanjaan yang berpunca secara langsung bagi menjadikan aset sedia untuk digunakan sebagaimana yang dikendaki, dan kos membuka dan mengeluarkan item dan memulihkan tapak penempatan aset tersebut. Kos aset yang dibina sendiri juga merangkumi kos bahan dan tenaga buruh langsung. Pembelian perisian yang membentuk bahagian asasi kepada fungsian kelengkapan yang berkaitan adalah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kelengkapan tersebut.

Apabila bahagian-bahagian ketara sesuatu item hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat penggunaan yang berlainan, ia diiktiraf sebagai item-item hartanah, loji dan peralatan yang berasingan (komponen utama).

Keuntungan dan kerugian daripada pelupusan item hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada pelupusan dengan amaun bawaan hartanah, loji dan kelengkapan dan diiktiraf bersih dalam "pendapatan lain" atau "perbelanjaan lain" dalam penyata pendapatan.

##### (ii) Kos berikutan

Kos untuk menggantikan sebahagian daripada sesebuah item hartanah, loji dan peralatan diambil kira dalam amaun bawaan item tersebut jika dijangkakan manfaat ekonomi masa depan yang termaktub dalam bahagian tersebut akan disalurkan kepada Kumpulan dan kosnya dapat diukur dengan yakin. Amaun bawaan bagi bahagian-bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Kos untuk servis harian bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

##### (iii) Susut nilai

Susut nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan atas dasar garis lurus sepanjang anggaran hayat penggunaan setiap bahagian sesuatu item hartanah, loji dan peralatan. Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai. Aset pajakan disusut nilai sepanjang yang mana satu lebih pendek iaitu tempoh pajakan dan jangka hayat penggunaan melainkan ada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan akan memperoleh pemilikan pada akhir tempoh pajakan. Kerja dalam pelaksanaan modal tidak disusut nilai sehingga aset berkenaan siapsedia untuk digunakan sebagaimana yang dihendaki.

Anggaran hayat penggunaan bagi tempoh semasa dan perbandingan adalah seperti berikut:

• Bangunan	20 - 50 tahun
• Pengubahsuaian	10 - 20 tahun
• Loji dan jentera	3 - 15 tahun
• Kenderaan bermotor	5 tahun
• Perabot, kelengkapan dan peralatan pejabat	3 - 10 tahun
• Penyaman udara	5 - 10 tahun

Amaun untuk susut nilai ditentukan selepas menolak nilai sisa.

Kaedah susut nilai, hayat penggunaan dan nilai sisa dikaji semula pada tarikh pelaporan.

## 2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

### (e) Aset pajakan

#### (i) Pajakan Kewangan

Pajakan yang mana Kumpulan menanggung hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pada pengiktirafan permulaan, aset pajakan diukur pada amaun bersamaan dengan yang lebih rendah nilai saksama dan nilai semasa bayaran pajakan minimum. Berikutan pengiktirafan permulaan, aset diiktiraf mengikut dasar perakaunan yang berkenaan bagi aset tersebut.

Bayaran minimum pajakan yang dibuat di bawah pajakan kewangan diperuntukkan antara perbelanjaan kewangan dan pengurangan liabiliti yang belum dijelaskan. Perbelanjaan kewangan diperuntukkan pada setiap tempoh semasa tempoh pajakan supaya mewujudkan kadar faedah berkala yang tetap ke atas baki liabiliti yang tinggal. Bayaran pajakan kontinjen diambil kira dengan merevisi pembayaran pajakan minimum sepanjang baki tempoh pajakan yang tinggal apabila penyelarasan pajakan disahkan.

#### (ii) Pajakan Operasi

Pajakan yang mana Kumpulan tidak menanggung hampir kesemua risiko dan manfaat pemilikan dikelaskan sebagai pajakan operasi dan, kecuali untuk kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi, aset pajakan tidak diiktiraf dalam kunci kira-kira Kumpulan. Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi, yang dipegang untuk memperoleh pendapatan sewa atau untuk kenaikan nilai modal, ataupun kedua-duanya, dikelaskan sebagai pelaburan hartanah.

Tanah pegangan pajakan yang lazimnya mempunyai hayat ekonomi yang tidak terbatas dan hak milik, tidak dijangka beralih kepada pihak penerima pajakan pada hujung tempoh pajakan, diambil kira sebagai pajakan operasi. Bayaran yang dibuat untuk memasuki atau memperoleh suatu tanah pegangan pajak diiktiraf sebagai bayaran pajakan prabayar kecuali bagi tanah pegangan pajak yang dikelaskan sebagai pelaburan hartanah.

Pembayaran yang dibuat di bawah pajakan operasi diiktiraf di dalam penyata kewangan pada dasar garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf sebagai sebahagian asasi jumlah perbelanjaan pajakan sepanjang tempoh pajakan.

#### Tanah pegangan pajak yang dinilai semula

Kumpulan telah menilai semula tanah pegangan pajak sebelum ini dan telah mengekalkan amaun nilai semula yang belum dilunaskan sebagai amaun bawaan penggantian bagi bayaran pajakan prabayar mengikut peruntukan peralihan FRS 117.67A. Pembayaran pajakan prabayar seperti ini dilunaskan sepanjang tempoh pajakan.

### (f) Aset tak ketara

#### (i) Muhibah

Muhibah tumbul akibat gabungan perniagaan dan diukur pada kos ditolak segala kerugian keterjejasan nilai terkumpul.

Bagi pengambilalihan sebelum 1 Januari 2006, muhibah mewakili lebihan kos bagi pengambilalihan atas kepentingan Kumpulan pada nilai saksama bagi aset dan liabiliti bersih yang boleh dikenal pasti.

Dengan penggunaan FRS 3 bermula 1 Januari 2006, muhibah mewakili lebihan kos bagi pengambilalihan atas kepentingan Kumpulan pada nilai saksama bersih bagi aset, liabiliti dan liabiliti kontinjen yang diperolehi.

Sebarang lebihan kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset, liabiliti dan liabiliti kontinjen yang diperolehi melebihi kos pengambilalihan diiktiraf serta-merta dalam penyata pendapatan.

Muhibah dinilai pada kos dan tidak lagi dilunas tetapi diuji untuk keterjejasan nilai sekurang-kurangnya setahun sekali malah lebih kerap lagi sekiranya wujud bukti objektif keterjejasan nilai.

Muhibah diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai dan diuji setiap tahun untuk keterjejasan nilai atau lebih kerap lagi sekiranya peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan mungkin ada keterjejasan nilai.



### 2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

#### (f) Aset tak ketara (sambungan)

##### (ii) Nilai kontrak

Nilai kontrak adalah merujuk kepada perjanjian eksklusif untuk membekal keperluan karton bercetak British American Tobacco dalam beberapa lokasi di rantau Asia Pasifik, selama tujuh (7) tahun dengan hak untuk melanjutkan tempoh pembekalan selama tiga (3) tahun lagi, bermula dengan tahun kewangan 2008.

Nilai kontrak dinyatakan pada kos ditolak penulasan dan kerugian keterjejasan terkumpul. Nilai kontrak dilunaskan sepanjang tempoh 10 tahun dari tarikh ia sedia ada untuk diguna terhadap perjanjian pembekalan.

##### (iii) Perbelanjaan berikutan

Perbelanjaan berikutan atas aset tak ketara yang dipermodalkan, dipermodalkan hanya bila ia meningkatkan manfaat ekonomi masa depan yang terangkum di dalam aset spesifik yang berkaitan dengannya. Semua perbelanjaan lain diiktiraf dalam penyata pendapatan apabila ditanggung.

##### (iv) Pelunasan

Pelunasan dicajkan penyata pendapatan secara sistematik sepanjang hayat penggunaan anggaran nilai kontrak.

#### (g) Inventori

Inventori diukur pada nilai yang lebih rendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos inventori adalah berdasarkan kos purata wajar dan termasuk perbelanjaan yang ditanggung untuk memperoleh inventori dan membawanya ke lokasi dan keadaan semasa. Bagi kerja dalam pelaksanaan dan barang siap, kos termasuk sebahagian daripada overhead pengeluaran yang berpatutan berasaskan kapasiti operasi biasa. Nilai boleh realis bersih ialah anggaran harga jualan dalam urusan biasa perniagaan, ditolak anggaran kos penyempurnaan dan anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

Nilai saksama inventori yang diperoleh dalam gabungan perniagaan ditentukan berdasarkan anggaran harga jualannya dalam urusan perniagaan biasa ditolak anggaran kos penyempurnaan dan jualan, serta margin keuntungan yang berpatutan berdasarkan usaha yang perlu bagi menyempurnakan serta menjual inventori tersebut.

#### (h) Penghutang

Penghutang diiktiraf pada mulanya pada kosnya apabila hak berkontrak untuk menerima tunai atau aset kewangan lain daripada entiti lain ditetapkan.

Berikutan pengiktirafan permulaan, penghutang dinyatakan pada kos ditolak elaun untuk hutang ragu.

Penghutang tidak dipegang bagi tujuan dagangan

#### (i) Tunai dan setara tunai

Tunai dan setara tunai terdiri daripada wang tunai dalam tangan, baki dan deposit dengan bank dan pelaburan sangat cair yang mempunyai risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan setara tunai dibenarkan selepas ditolak overdraf bank dan deposit yang dicagar, jika ada.

## 2. Dasar perakaunan penting (sambungan)

### (j) Keterangan nilai aset

Amaun bawaan aset kecuali inventori dikaji pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada wujud apa-apa tanda keterjejasan.

Sekiranya wujud tanda sedemikian, amaun boleh pulih aset dianggarkan

Kerugian keterjejasan nilai diiktiraf jika amaun bawaan aset atau unit penjanaan tunainya melebihi amaun boleh pulihnya melainkan aset dibawa pada amaun yang dinilai semula, dengan mana kerugian keterjejasan nilai diiktiraf secara langsung terhadap apa-apa lebihan penilaian semula bagi aset setakat kerugian keterjejasan tidak melebihi amaun dalam lebihan penilaian semula bagi aset tersebut. Unit penjanaan tunai adalah kumpulan aset boleh kenal pasti terkecil yang menjanakan aliran tunai yang sebahagian besarnya bebas daripada aset dan kumpulan lain. Kerugian keterjejasan diiktiraf dalam penyata pendapatan. Kerugian keterjejasan yang diiktiraf berhubung dengan unit penjanaan tunai diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan bagi mana-mana muhibah yang diperuntukkan kepada unit dan seterusnya untuk mengurangkan amaun bawaan aset-aset lain dalam unit (kumpulan unit-unit) pada kadar pro rata.

Amaun boleh pulih sesuatu aset atau unit penjanaan tunai adalah yang lebih besar antara nilai penggunaan dan nilai saksama ditolak kos untuk jualan. Dalam menilai nilai penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan didiskaun ke nilai semasanya dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko-risiko yang spesifik pada aset tersebut. Bagi tujuan ujian keterjejasan, aset dikumpulkan bersama dalam kumpulan terkecil aset yang menjanakan aliran masuk tunai daripada penggunaan berterusan yang sebahagian besarnya bebas daripada aliran masuk tunai aset atau kumpulan aset ("unit penjanaan tunai") yang lain. Muhibah yang diperoleh daripada gabungan perniagaan, bagi tujuan ujian keterjejasan, diperuntukkan kepada unit penjanaan tunai yang dijangka mendapat manfaat daripada paduan tenaga gabungan tersebut.

Kerugian keterjejasan berhubung muhibah tidak dipulihkan. Bagi aset lain, kerugian keterjejasan yang diiktiraf dalam tempoh-tempoh lalu dikaji pada setiap tarikh laporan untuk apa-apa petunjuk bahawa kerugian telah berkurangan atau tidak wujud lagi. Kerugian keterjejasan dipulihkan sekiranya terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Kerugian keterjejasan hanya dipulihkan setakat amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang seharusnya ditentukan selepas ditolak susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian keterjejasan diiktiraf. Pemulihan kerugian keterpepasan dikreditkan ke penyata pendapatan pada tahun di mana pemulihan diiktiraf, kecuali ia memulihkan kerugian keterjejasan bagi aset yang dinilai semula, di mana ia akan dikreditkan terus ke lebihan penilaian semula. Di mana kerugian keterjejasan pada aset dinilai semula tersebut yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata pendapatan, pemulihan kerugian keterjejasan itu juga diiktiraf di dalam penyata pendapatan

### (k) Modal saham

#### Perbelanjaan penerbitan saham

Kos tambahan yang berpunca terus daripada penerbitan saham dan opsyen saham dikelaskan sebagai ekuiti diiktiraf sebagai tolakan daripada ekuiti.

### (l) Pinjaman dan peminjaman

Pinjaman dan peminjaman dinyatakan pada kos dilunas dengan apa-apa perbezaan antara kos dan nilai penebusan diiktiraf dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh pinjaman dan peminjaman depan menggunakan kaedah faedah berkesan. Caj kewangan atas sewa beli diperuntukkan ke penyata pendapatan sepanjang tempoh sewa beli dengan kaedah hasil tambah digit.

### (m) Manfaat pekerja

#### (i) Manfaat jangka pendek pekerja

Obligasi manfaat jangka pendek pekerja berhubung dengan gaji, bonus tahunan, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit diukur dengan kaedah tak terdiskaun dan dibelanjakan bila perkhidmatan yang berkaitan dibekekalkan.

